

# Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289

Rejab / Syaban 1442 — Mac 2021

BIL: 29 / 2021



## Mengenali Vaksin Covid-19

PUISI:

Ku Mendengar  
Suara Mu

Tafsir  
Basmalah

Saudagar Permata  
Yang Jujur

Pendekatan  
Dakwah  
Millenia

Awas!  
Jangan Derhaka

# Buletin<sup>ACIS</sup>

## SIDANG REDAKSI

### Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin

(Rektor)

### Penasihat:

Hisam Satari

(Ketua Pusat Pengajian Acis )

### Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

### Sidang Pengarang:

Dr. Mohamad Hasif Bin Jaafar

Dr.Mohd Asyran Safwan bin Kamaruzaman

Shahril Anuar Abdul Ghalim

Nurul Nisha Mohd Shah

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Hajah Makiah Tussaripah Jamil

### PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Kampus Seremban

Persiaran Seremban Tiga/1,

70300 Seremban 3,

Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk  
menghantar sebarang artikel  
atau komen, boleh email ke  
[bulletin.acis.n9@gmail.com](mailto:bulletin.acis.n9@gmail.com)  
[muallim@uitm.edu.my](mailto:muallim@uitm.edu.my)

## Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri ketigapuluhan empat atau siri keduapuluhan sembilan yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "*Mengenali Vaksin Covid-19*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

## Isi Kandungan


- ⇒ Mengenali Vaksin Covid-19 ( 3 )
- ⇒ PUISI: Ku Mendengar Suara Mu ( 7 )
- ⇒ Pendekatan Dakwah Millenia ( 8 )
- ⇒ Tafsir Basmalah ( 11 )
- ⇒ Awas! Jangan Derhaka ( 14 )
- ⇒ Saudagar Permata Yang Jujur ( 16 )

## HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan  
sebulan sekali

# Mengenali Vaksin Covid-19

Oleh : Dr. Mohamad Hasif Bin Jaafar  
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)



## Apa Itu Vaksin?

Vaksin merupakan suatu persediaan biologi yang memberikan imuniti aktif terhadap penyakit berjangkit tertentu. Vaksin merupakan salah satu kaedah yang paling berkesan bagi memerangi penyakit berjangkit dan dijangka dapat mencegah sehingga 3 juta kematian setiap tahun di seluruh dunia. Antigen merupakan kandungan yang didapati di dalam vaksin yang diperolehi daripada sebahagian atau keseluruhan struktur mikroorganisma yang dalam keadaan dilemahkan atau dimatikan. Antigen tersebut

merangsang sistem ketahanan badan untuk membentuk imuniti terhadap jangkitan penyakit khusus. Sebilangan besar vaksin diberikan melalui suntikan, tetapi ada yang diberikan secara oral iaitu melalui mulut atau disemburkan ke dalam hidung.

## Bagaimana Vaksin Berfungsi?

Vaksin meminimumkan peluang terkena penyakit dengan berinteraksi dengan pertahanan semula jadi tubuh untuk membina kekebalan badan. Sistem imun kita akan bertindak balas apabila kita menerima vaksin dan menghasilkan antibodi. Antibodi ini adalah protein

yang biasanya dibentuk oleh sistem imun untuk mengawal penyakit. Vaksin akan memanfaatkan ini untuk "melatih" sistem imun untuk menggunakan jumlah kecil virus atau bakteria, protein atau bahan genetik yang lemah atau mati yang tidak dapat membuat kita sakit. Sekiranya anda terdedah kepada kuman yang sama jenis pada masa akan datang, sistem imun akan mudah membunuhnya sebelum anda jatuh sakit. Dos vaksinasi yang disyorkan kebiasaanya akan dapat menyelamatkan kita daripada penyakit selama bertahun-tahun, beberapa dekad, atau bahkan seumur hidup. Daripada merawat penyakit setelah ia berlaku, vaksinasi melindungi orang daripada jatuh sakit.

### Bagaimana Vaksin Covid-19 Dibuat dan Diujji?

Bagi memastikan vaksin selamat dan berfungsi dengan baik ia mesti melalukan beberapa peringkat ujian. Pada peringkat utama adalah fasa "penemuan dan pra-klinikal". Jika vaksin memberikan hasil positif dalam proses pra-klinikal, sukarelawan akan dicari untuk fasa klinikal. Ketika fasa ini, sukarelawan akan diberikan vaksin dan dipantau untuk mengenalpasti setiap tindakbalas imun dan kesan



sampingan terhadap badan.

Vaksin perlu melalui setiap proses dengan jayanya sebelum dapat melangkah ke peringkat seterusnya. Pengeluar perlu memastikan bahawa vaksin dapat dibuat dengan standard yang sangat tinggi dalam kuantiti yang banyak. Sekiranya semua kajian ini menunjukkan bahawa vaksin berfungsi dengan selamat, data mesti diperiksa secara bebas dan vaksin dilesenkan untuk dijual oleh pihak berkuasa yang mengurus ubat-ubatan di setiap negara. Proses ini mengambil masa lebih dari satu dekad untuk diselesaikan dari awal hingga akhir dan berharga ratusan juta dolar.

Sehubungan itu, untuk memenuhi keperluan imunisasi 20 peratus, atau 6.4 juta orang di rantau ini, Malaysia akan menerima bekalan 12.8 juta dos vaksin COVID-19. Seperti mana Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pemberian vaksin bagi sejuta dos buat kali pertama akan dilakukan pada suku pertama tahun 2021. Perdana Menteri telah memberitahu bahawa pembekalan itu akan diperoleh dari syarikat farmaseutikal, Pfizer, sebagai hasil perjanjian pembelian awal yang ditandatangani oleh kerajaan melalui Kementerian Kesihatan pada 24 November dan akan tersedia untuk



rakyat Malaysia secara percuma. Perjanjian ini dibuat bertujuan memastikan bahawa kerajaan memiliki akses ke data untuk menilai kualiti, keselamatan dan keberkesanan, di samping memastikan akses ke vaksin jika siap untuk diedarkan oleh perusahaan.


#### Penghasilan Vaksin Berunsurkan Virus

Virus tidak boleh membiak jika ianya tidak ditempatkan di dalam sel hidup. Oleh itu, virus yang digunakan di dalam vaksin akan dibiakkan di dalam sel-sel sehingga boleh membentuk embrio atau sel Vero. Sesudah sahaja virus ini dapat membiak, ianya diasinkan daripada sel dan medium kultur sel. Teknik-teknik seperti bahan kimia, sentrifugasi dan penapisan ataupun proses penyeragaman akan digunakan untuk mengasingkan sel

dari medium kultur sel tersebut. Pada peringkat yang seterusnya, virus ini pula akan melalui proses penulenan. Pada peringkat ini, virus akan dilemahkan secara kimia yang bertujuan untuk menghasilkan vaksin daripada virus yang telah dilemahkan.

#### Penghasilan Vaksin Berunsurkan Bakteria

Bakteria merupakan organisma yang boleh hidup tanpa memerlukan perumah atau pun sel hidup untuk membiak memandangkan bakteria boleh hidup dengan sendirinya. Oleh itu, bakteria ini dibiakkan di dalam bioreaktor yang mengandungi media kultur yang telah dikhatuskan. Setelah bakteria ini dibiakkan, ianya akan melalui proses pengasingan yang dilakukan secara sentrifugasi atau menggunakan teknik khusus bagi



mengekstrak polisakarida.

### Penghasilan Vaksin Melalui Sumber Yang Haram Dan Najis

Secara dasarnya, syariat Islam tidak membenarkan seseorang itu berubat sekiranya terdapat bahan yang berunsurkan najis dan juga bahan yang telah diketahui haram. Akan tetapi, jika keadaan seseorang itu berada pada tahap yang boleh mendatangkan kemudarat, dan tiada alternatif yang lain yang boleh digunakan, maka syara' telah mengharuskan dan membenarkan untuk berubat dengan bahan najis atau yang juga haram.


Berdasarkan surah Al-An'am ayat 119, Allah telah berfirman yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah telah menjelaskan kepada kamu apa yang diharamkan keatasmu, kecuali apa yang kamu terpaksa kepadanya (kondisi darurat)."

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah meneliti dakwaan kewujudan elemen tidak halal dalam vaksin imunisasi yang menjadi pertikaian segelintir ibu bapa yang tidak mahu anak mereka disuntik dengannya. Menurut Mesyuarat Khas JawatanKuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 23 Disember yang lalu, hukum penggunaan vaksin Covid-19 adalah harus serta ianya mewajibkan pengambilannya kepada golongan tertentu yang perlu diterima kerana ianya sudah ditetapkan bahawa ia selari dengan kaedah pencegahan di-anjurkan Islam.

Jadi, dakwaan oleh segelintir

masyarakat ini yang mengatakan bahawa vaksin Covid-19 mengandungi dan diperbuat daripada bahan yang tidak halal dan memberi keraguan tidak seharusnya diperbesar-besarkan. Hal ini demikian kerana, Islam sudah pun menyediakan panduan jelas berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah. Sewaktu Mesyuarat Khas (MKI) pada 3 Disember yang lalu, telah diputuskan bahawa tidak terdapat sebarang bahan yang diperbuat daripada haiwan dan tiada juga bahan yang berasal daripada haiwan di dalam vaksin Covid-19.

Justeru itu, sebagai umat Islam kita haruslah mencari ikhtiar sendiri untuk mengelakkan diri daripada kemudarat dan tidak boleh menyerah diri tanpa melakukan apa-apa usaha kerana hal ini berkait rapat dengan Maqasid Syariah iaitu menjaga nyawa (hifz an-nafs). Dalam mengelakkan wabak Covid-19 ini daripada merebak dan membangkitkan lebih banyak kluster baru, kita haruslah mengikuti apa sahaja yang telah ditentukan melalui keputusan muzakarah yang membabitkan pandangan mufti dan ahli agama yang pakar serta mahir dalam bidang keagamaan. Semuanya diyakini selamat.



# Puisi Ku Mendengar Suara Mu

Oleh : Shahril Anuar Abdul Ghalim & Nurul Nisha Mohd Shah

(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Kampus Rembau)

Tanpa wajah hanya suara  
Medium berfungsi sebagai pengantara  
Pelbagai lagu sorotan bicara  
Menyampai mesej tak kira siapa  
Bersama pendengar berkongsi rasa  
Wadah berkesan memudah cara

Dibuka ruang idea dihujah  
Bersandar topik, cerita jua natijah  
Dikendali juruhebah tersusun terarah  
Perkongsian pendapat pelbagai kisah  
Pengalaman hidup deretan permasalah  
Dikongsi sebagai panduan ummah

Ukiran hidup dikongsi segala  
Kepelbagaian aspek sorotan dimula  
Nasihat, petua, pengalaman berharga  
Memberi manfaat kepada yang dahaga

jika menulis ianya terpahat  
Bila mendengar ianya tersemat  
Tatkala melihat perbuatannya cermat  
Insyaallah perkongsian pengalaman membawa rahmat

# Pendekatan Dakwah Millenia

Oleh :

Shahril Anuar Abdul Ghalim & Nurul Nisha Mohd Shah  
(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Mediia  
Kampus Rembau)

2-3 yang bermaksud “Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: ‘Kami beriman’, sedangkan mereka tidak diuji (dengan sesuatu dugaan)? Dan sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu sebelum mereka maka (dengan ujian yang demikian) nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang benar-benarnya beriman, dan nyata pula dengan apa yang diketahui-Nya akan orang-berdusta ”

Masih terbayang lagi diingatan sesi perbualan penulis bersama dengan seorang sahabat bukan Muslim. Masa ketika itu, hati penulis agak bercelaru bila-mana dihimpit kekusutan dan kerisauan tentang pelbagai perkara. Tiba-tiba terkeluar jelas dari mulut sahabat penulis itu, “*You need to pray to God. Only He can help you to handle all these problems*”. Penulis tersentak. Bagaimana seorang yang bukan Islam boleh mengingatkan mengenai kembali memohon pertolongan dari Tuhan seraya menyedarkan penulis bahawa hanya Tuhan sahaja yang mampu membantu terutama dalam menghadapi masalah yang sedang dihadapi.

Penulis terus memandang tepat pada wajah sahabat itu. Lantas bertanya satu soalan yang bagaikan diwahyukan ke dalam hati penulis. “*My friend, do you believe that there is only One God that created this world?*”

Tanpa ada sebarang keraguan sahabat penulis itu menjawab, “*Yes, there is only One God that created this world. But there must a reason why He created us in different religions, races and languages. I don't know why and perhaps you don't either. So, it is our responsibility to seek for the truth*”.



Minda penulis terus hanyut memikirkan sesuatu. Adakah Tuhan sedang menguji keimananku? Sebagaimna firman Allah Taala dalam Surah al-Ankabut ayat

Dan perbualan tersebut terhenti di situ. Bibir penulis seakan terkunci namun hati penulis dapat merasakan kehilangan sesuatu.

Ayat pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW semasa baginda berkhawlwat di gua Hira' adalah ayat 1 hingga 5 surah Al-Alaq. Melalui ayat ini telah menekankan peri pentingnya membaca dalam mendapatkan ilmu

pengetahun. "Bacalah, dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan"[Surah Al-Alaq, ayat 1]. Jadi menggunakan teknologi terkini yang canggih maka penulis mula untuk mencari bahan-bahan yang boleh digunakan sebagai rujukan pencarian ini. Mata penulis melekap pada skrin laptop yang memaparkan satu buku yang tajuknya simple namun memberi pengertian yang mendalam. Tuhan Untuk Semua. Begitulah tajuk buku tersebut yang diterbitkan oleh PTS Islamika hasil karangan oleh Faisal Abdurrahman. Tanpa berlengah penulis terus membelynanya secara atas talian dengan harapan terungkai satu persoalan yang sedang bermain-main di minda penulis.



Buku setebal 107 muka surat padat menceritakan perihal isu-isu agama Islam yang sebelum ini dianggap sesuatu yang berat oleh sesetengah individu. Penulis menggunakan perkataan 'cerita' kerana pengarang buku terbabit berjaya mengupas setiap isu berat dalam bentuk analogi, mudah difahami namun tetap disokong dengan hujah daripada ayat-ayat Al-Quran dan juga hadis sahih Rasulullah SAW. Terdapat satu persoalan yang

diutarakan dalam buku tersebut. Mengapa Allah ciptakan syurga dan neraka? Analogi yang diberikan cukup mudah. Mengapa kita tetap adakan peperiksaan di sekolah walaupun cikgu sudah dapat mengenal-pasti pelajar-pelajar yang pandai dan sebaliknya. Peperiksaan sebenarnya cara untuk terus memotivasi pelajar yang pandai supaya terus berusaha dan menilai pelajar yang terbaik antara yang terbaik. Pelajar cemerlang pula akan mendapat hadiah daripada Guru Besar sewaktu majlis anugerah cemerlang akhir tahun diadakan. Jadi, Allah menciptakan syurga dan neraka supaya manusia sentiasa beramal untuk mendapatkan status terbaik disisi-Nya nanti. Setiap apa yang dikerjakan pastinya akan mendapat balasan yang setimpal dengan apa yang telah diusahakan.

Bertitik-tolak daripada buku terbabit, penulis mula mengenali seorang pendakwah antarabangsa yang begitu hebat. Setiap hujah yang dilontarkannya dalam menjawab isu yang diutarakan oleh penonton disokong oleh ayat-ayat Al-Quran dan hadis sahih. Beliau juga menghafal setiap baris ilmu daripada kitab-kitab rujukan agama lain kerana beliau percaya yang jika kita ingin mengenal sesuatu agama itu, jangan dilihat kepada penganutnya tetapi kajilah kitab yang menjadi panduan dan rujukan agama tersebut. Pendakwah terbabit pastinya Dr. Zakir Naik, seorang pendakwah yang berjaya mengislamkan ribuan orang dan menyebarkan agama Allah ke segenap pelosok dunia. Beliau tidak menggunakan kekerasan apatah lagi paksaan dalam menyebarkan agama Islam. Namun, dengan pendekatan berdialog secara terbuka, berhujah dengan

fakta tanpa ada sedikitpun unsur emosi melampau, menggunakan ayat yang mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat membuatkan semua orang tertarik untuk mendengar setiap ceramahnya. Inilah sebenarnya contoh ilmuwan Islam. "Dan siapakah lagi yang lebih elok percakapannya dari mereka yang berdakwah kepada Allah dan beramal soleh serta berkata: Sesungguhnya aku termasuk di dalam golongan yang berserah diri kepada Allah SWT" [Surah Al-Fussilat, ayat 33].

Setiap manusia merupakan "pencari" yang mencari identiti, keperluan, kehendak dan yang paling utama adalah tujuan sebenar mereka berada di dunia ini. Mereka akan mula menerima pesanan-pesanan yang dibuat dalam pelbagai bentuk samaada buku, ceramah, nasihat dan sebagainya. Ada yang telah berjaya mendapatkan segalanya yang dicari. Ada juga yang tidak pernah puas dengan apa yang mereka miliki sehingga mereka mula merebut bahagian orang lain. Ada yang masih keliru dengan pesanan-pesanan yang mereka perolehi. Setiap agama pula pastinya mengajar penganutnya supaya sentiasa berbuat kebaikan. Namun apa yang dicari adalah agama yang dapat menunjuk jalan kebenaran. Jalan menuju Tuhan yang satu, Tuhan untuk semua. "Puji-pujian bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam" [Surah Al-Fatiyah, ayat 2]

Allah menciptakan malaikat dan diberi nikmat akal kepadanya, tidak diberi nafsu. Dia menciptakan haiwan lalu diberikan nafsu dan tidak diberikan akal. Namun, sebagaimana yang telah diberitakan bahawa manusia merupakan khalifah di muka bumi ini, ternyata Allah telah mengurniakan kelebihan diberi akal dan nafsu. Jadi seharusnya setiap manusia menggunakan kelebihan ini sebaik mungkin demi menjadi hamba Allah yang soleh dan sentiasa mengejar janji dan balasan syurga dari-Nya.



# Tafsir Basmalah

Oleh : Dr. Mohd Asyran Safwan bin Kamaruzaman  
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)



Sesungguhnya apabila saat kita membaca Basmalah, lafaz yang agung ini memberi begitu banyak pengertian dalam kehidupan sebagai orang yang beriman. Lafaz Basmalah atau بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ terkandung padanya dua nama Allāh Ta’āla iaitu الرَّحْمَنِ dan الرَّحِيمِ yang mana kedua nama ini memberi makna yang sangat signifikan dalam kehidupan sebagai seorang hamba. Basmalah juga merupakan sebahagian daripada Al-Qur’ān menurut pendapat Jumhur dan ia terkandung dalam semua surah al-Qur’ān kecuali surah al-Tawbah. Oleh yang demikian, di dalam Mazhab Shāfi’iy, membaca Basmalah ketika membaca surah al-Fātihah yang merupakan rukun qawli di dalam solat adalah suatu kefardhuan. Imam Shāfi’iy berhujjah bahawa Basmalah merupakan sebahagian daripada al-Fātihah berdalilkan Hadis Baginda riwayat al-Dār al-Qutniy yang bermaksud: Baginda صلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda “apabila kamu membaca al-Fātihah, maka bacalah bersama Basmalah kerana sesungguhnya ia adalah sebahagian Umm al-Quran dan Umm al-Kitāb dan al-Sab’ al-Mathāniy dan Basmalah itu salah satu daripadanya (al- al-Sab’ al-Mathāniy)”

Meskipun Basmalah ini sangat rigkas, ia memberi pengertian yang sangat besar jika difahami dengan kefahaman yang diajarkan oleh para Ulama. Lafaz بِسْمِ اسْمٍ adalah suatu binaan perkataan yang terbina daripada huruf بِ dan اسْمٍ yang membawa makna ‘dengan nama’. Namun begitu makna keseluruhan yang dikehendaki ialah: أَبْتَدَىْ بِاسْمِ اللهِ اِيْ مُتَبَرِّكًا بِذِكْرِ اسْمِ اللهِ

Yang bermaksud: "Aku mulakan dengan nama Allāh iaitu mengambil keberkatan dengan mengucapkan nama Allāh".

Demikian itu, jika dilihat, kebanyakan para Ulama apabila menulis sesuatu makalah atau penulisan, pasti mereka akan memulakan dengan lafaz Basmalah bagi mengambil keberkatan nama Allāh Ta'āla. Selain mengambil keberkatan dengan nama Allāh Ta'āla, mereka juga beramal dengan satu hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Hajar dalam Fath al-Bārī yang bermaksud : Rasulullah ﷺ telah bersabda: "Setiap perkara yang mempunyai faedah kebaikan jika tidak dimulai dengan Basmalah maka pahalanya berkurangan"

Berhubung dengan kalimah الله atau Allāh, maka ia merupakan satu kata nama khas bagi Tuhan yang disembah. Manakala maknanya ialah Yang mempunyai ilāhiyyah. Ilāhiyyah ialah yang bersifat al-Qudrah iaitu mencipta dan mengeluarkan sesuatu daripada tiada kepada ada. Kata nama Allāh ini tidak boleh diberikan kepada sesiapa selain-Nya. Jika seseorang menamakan sesuatu atau seseorang dengan kata nama Allāh, maka ijmak ulama menetapkan bahawa ia suatu kekufuran.

Kata nama الرحمن atau al-Rahmān pula merupakan kata nama khas seperti kata nama Allāh. Ia tidak boleh digunakan bagi menamakan sesuatu atau seseorang selain Allāh. Terdapat beberapa kata nama yang ia khas semata-mata untuk Allāh seperti القدوس, الخالق, الرزاق, المحي, المميت, القيوم, ذوالجلال والإكرام, والملك. Makna al-Rahmān ialah Yang Maha Memberi Rahmat kepada orang beriman dan orang tidak beriman di dunia. Ini dapat dilihat di sekeliling kita, sama ada yang beriman atau tidak beriman, semua menghirup udara yang sama, mendapat cahaya matahari, mendapat makanan serta minuman dan pelbagai nikmat yang lain.

Kata nama الرحيم atau al-Rahīm ialah kata nama yang universal. Ia boleh digunakan bagi hak Allāh, dan boleh digunakan bagi selain Allāh. Bagaimanapun, ia pada penggunaan lafaz sahaja. Hakikat makna bagi hak Allāh adalah berbeza berbanding dengan makna bagi selain Allāh. Makna al-Rahīm bagi hak Allāh ialah Yang Maha Memberi Rahmat kepada orang beriman sahaja di Hari Akhirat. Hari Akhirat merupakan Hari Pembalasan dan Negara Akhirat ialah destinasi terakhir bagi setiap manusia. Allāh berfirman dalam Surah al-Syura ayat 20 yang bermaksud: "Sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) mendapat faedah di akhirat, Kami akan memberinya mendapat tambahan pada faedah yang dikehendakinya; dan sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) kebaikan di dunia semata-mata, Kami beri kepadanya dari kebaikan dunia itu (sekadar yang Kami tentukan), dan ia tidak akan beroleh sesuatu bahagian pun di akhirat kelak".

Di Hari Akhirat, Allāh telah menjanjikan azab yang tiada henti bagi orang-orang yang tidak beriman, dan azab mereka sama sekali tidak akan diringankan sedikit pun. Bagi orang-orang yang tidak beriman, mereka sama sekali tidak akan

mendapat rahmat Allāh di Akhirat lantaran keingkaran mereka untuk beriman sewaktu di dunia. Allāh berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 162 yang bermaksud: "Mereka (orang yang tidak beriman) akan kekal dalam api neraka, tidak akan diringankan sedikit pun bagi mereka azab."

Adapun bagi orang yang beriman, terdapat pelbagai nikmat dan rahmat yang Allāh sediakan untuk mereka. Sekalipun mereka dari kalangan orang yang berdosa dan tidak bertaubat sebelum mati, mereka tetap mendapat rahmat seperti tidak berkekalan dalam api neraka. Setelah mereka diazab dalam api neraka sesuai dengan kadar dosa yang mereka lakukan, mereka akan diampuni Allah dan dimasukkan ke dalam syurga-Nya. Allāh berfirman dalam Surah al-Nisā' ayat 48 yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekuatkan-Nya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya."

Faedah yang diperolehi daripada tafsir Basmalah ini ialah:

1. Hendaklah setiap amal kebaikan itu diniatkan ikhlas kerana Allāh dan dimulai dengan Basmalah supaya amalan itu mendapat pahala yang sempurna dan diterima Allāh;
2. Terdapat beberapa nama Allāh yang hanya khas untuk Allāh dan tidak boleh digunakan bagi selain Allāh. Wajib seseorang cakna terhadap penggunaan nama-nama ini.
3. Iman adalah perkara yang terpenting dalam hidup manusia. Tanpa iman manusia akan rugi di hari akhirat. Iman adalah syarat penerimaan amalan yang soleh. Tanpa iman, amalan kebaikan tidak lagi bernilai.
4. Meskipun ada sebahagian manusia yang tidak beriman di dunia, namun Allāh tetap memberi rahmat kepada mereka dalam bentuk rezeki seperti harta, kesihatan, anak dan sebagainya.
5. Akhirat adalah tempat pembalasan. Syurga adalah balasan bagi orang beriman, manakala Neraka adalah balasan bagi orang yang tidak beriman.

Semoga Allāh memelihara kita dengan mengekalkan kita dalam keadaan beriman sehingga roh terpisah dari jasad. Amin.



# Awas !

# Jangan Derhaka

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri  
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

Sebuah kisah tauladan mengenai anak derhaka telah berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Kisah yang paling selalu diceritakan adalah mengenai layanan buruk 'Alqamah terhadap ibunya yang berlaku di zaman Rasulullah SAW. Kisah ini menyatakan bahawa, 'Alqamah telah ditimpa sakit yang amat teruk dan tidak dapat mengucap ketika hampir saat kematianya. Walaupun, para sahabat Rasulullah SAW telah mengajarnya berkali-kali untuk mengucap namun dia masih gagal mengucap. Sehinggakan Rasulullah terpaksa memanggil ibu 'Alqamah untuk bertanyakan mengenai perkara sebenar yang berlaku. Ibu 'Alqamah telah menerangkan kepada Rasulullah SAW bahwa dia marah kepada anaknya kerana anaknya lebih mengutamakan isteri lebih daripada dirinya sendiri sebagai ibu kandung 'Alqamah. Pengajaran yang boleh didapati daripada

kisah ini adalah walaupun 'Alqamah merupakan seorang yang sangat taat dan kuat ibadatnya kepada Allah SWT, rajin bersolat, berpuasa dan bersedekah tetapi disebabkan kemarahan ibunya, Allah SWT telah mengkelukan lidahnya untuk mengucapkan kalimah syahadah.

Penderhakaan kepada ibu bapa adalah sebahagian gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat. Terdapat masyarakat Islam yang menganggap memelihara dan menjaga kebaikan kedua ibu bapa bukan satu tanggungjawab penting. Fenomena ini berlaku kerana masyarakat beranggapan menjaga rumah tangga sendiri dan anak-anak lebih penting daripada mengambil berat ke atas ibu bapa. Paling malang lagi terdapat anak-anak yang menghantar kedua ibu bapa mereka ke rumah orang-orang tua dengan alasan sibuk bekerja atau-



pun sukar mencari penjaga. Ini adalah berita buruk dan amat menyedihkan ibu bapa. Lebih menyedihkan terdapat ibu bapa yang telah ditempatkan di rumah kebajikan ini merayu kepada anak-anak supaya mengambil mereka kembali untuk tinggal bersama tetapi tidak diendahkan. Selain itu terdapat juga anak-anak lebih memuliakan dan menghormati kawan-kawan dan sahabat handai berbanding dengan layanan kepada ibu bapa mereka.

Islam memberi amaran keras terhadap mereka yang gagal melaksanakan hak-hak ibu bapa, menderhaka atau membiarkan ibu bapa yang sudah lanjut usianya menjalani kehidupan yang sukar dan menyedihkan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Tidak akan masuk syurga orang yang suka menunjuk-nunjuk pemberiannya, orang yang derhaka kepada kedua ibu bapanya dan orang yang ketagihan minuman keras." Apa yang nyata, berbakti kepada kedua ibu bapa, bersikap mulia serta menunaikan hak-hak terhadap mereka adalah di antara tugas yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam. Perintah mentaati keduanya jelas termaktub di dalam surah Lukman ayat 14 yang bermaksud: "Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan dan menceraikan susunya dalam masa dua tahun; bersyukurlah kepadaku dan kepada kedua ibu bapamu; dan kepada akulah tempat kembalimu".

Hakikatnya tanggungjawab anak-anak dalam melaksanakan hak-hak ibu bapa adalah hak yang paling penting sesudah menunaikan hak Allah SWT dan hak Rasul-Nya. Lantaran itu, hendaklah kita berbakti dan berbuat baik kepada mereka, mentaati mereka, berakhlak mulia sepanjang masa kepada mereka, mengutamakan mereka dalam segala kebajikan dan kebaikan. Sesungguhnya tanggungjawab anak-anak terhadap kedua orang tua bukanlah hanya dilakukan

semasa hayat mereka masih ada sahaja tetapi berterusan walaupun mereka telah meninggal dunia. Anak-anak masih boleh menyumbangkan bakti mereka dengan pelbagai amalan seperti memperbanyak istighfar dan berdoa untuk mereka, bersedekah, membayar segala hutang piutang serta melaksanakan semua wasiat yang mereka tinggalkan selagi wasiat tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak. Selain itu menghubungkan silaturahim dengan teman-teman dan kaum kerabat serta orang-orang kesayangan ibu bapa juga merupakan salah satu cara berbakti yang boleh kita lakukan.

Kesimpulannya umat Islam hendaklah beristiqamah dalam berbuat ihsan kepada ibu bapa supaya mereka dapat menikmati kualiti hidup yang sempurna di dunia ini. Jika anak-anak gagal berbuat demikian, maka di kemudian hari mereka akan menerima nasib yang sama. Jabir RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Berbaktilah kepada orang tua kamu (ibu bapa), nescaya anak-anak kamu akan berbakti kepada kamu. Dan peliharalah kehormatan isteri-isteri orang lain, nescaya isteri-isteri kamu akan memelihara kehormatan mereka." Fahamilah hakikat bahawa setiap umat Islam adalah anak dan juga akan menjadi ibu dan ayah. Oleh itu berlaku ihsanlah kepada ibu bapa agar setiap anak yang akan menjadi ibu dan bapa, akan dikasihani dan disayangi oleh anak-anak pula. Jika ibu bapa hidup dalam keadaan terbiar, maka kemungkinan besar anak-anak yang akan menjadi ibu dan bapa juga akan turut terbiar dan tidak dipedulikan. Firman Allah SWT di dalam surah al-Israk ayat 7 yang bermaksud: "Jika kamu berbuat kebaikan, maka faedahnya adalah untukmu dan jika kamu berbuat kejahatan, maka berbalik kepada diri kamu juga".



# Kisah Tauladan III

## Saudagar Permata Yang Jujur

Oleh : Hajah Makiah Tussaripah Jamil  
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

Pada suatu hari, seorang saudagar permata di zaman Tabiin bernama Yunus bin Ubaid menyuruh saudaranya menjaga kedainya kerana dia ingin ke masjid untuk solat. Selepas itu, datang seorang Badwi yang hendak membeli permata di kedai itu. Perhiasan permata yang hendak dibeli harganya empat ratus dirham. Saudara kepada Yunus menunjukkan suatu barang yang sebetulnya hanya berharga dua ratus dirham. Barang tersebut dibeli oleh Badwi tanpa diminta untuk dikurangkan harganya.

Selepas selesai urusan jual beli dan pembeli itu sedang berjalan pulang, dia terserempak dengan Yunus bin Ubaid. Yunus bin Ubaid lalu bertanya kepad si Badwi yang membawa perhiasan dari kedainya tadi. Sememangnya dia mengenali barang tersebut adalah dari kedainya. Saudagar Yunus lalu bertanya kepada si Badwi itu tadi. "Berapakah harga barang ini kamu beli?". Badwi itu menjawab, "Empat ratus dirham." Saudagar Yunus lalu berkata, "Tetapi harga sebenarnya cuma dua ratus dirham sahaja. Mari ke kedai saya supaya saya dapat kembalikan wang selebihnya kepada saudara." Badwi itu menolak sambil menjawab, "Biarlah, ia tidak perlu. Aku berasa senang dan beruntung dengan harga empat ratus dirham itu sebab di kampungku harga barang ini paling murah berharga lima ratus dirham."

Tetapi saudagar Yunus tetap tidak mahu melepaskan Badwi itu pergi. Didesaknya juga agar Badwi tersebut balik ke kedainya dan dikembalikan wang baki kepada Badwi tersebut. Setelah Badwi itu beredar, berkatalah saudagar Yunus kepada saudaranya, "Apakah kamu tidak berasa malu kepada Allah SWT atas perbuatanmu menjual barang tadi dengan dua kali ganda?" Marah saudagar Yunus lagi. "Tetapi dia sendiri yang mahu membelinya dengan harga empat ratus dirham." Saudaranya cuba mempertahankan bahawa dia di pihak yang benar. Kata saudagar Yunus lagi, "Ya, tetapi di atas belakang kita terpikul satu amanah untuk memperlakukan saudara kita seperti memperlakukan terhadap diri kita sendiri."

Tauladan yang boleh kita ambil daripada kisah ini ialah sesungguhnya sifat amanah dan jujur merupakan satu sifat sangat mulia yang seharusnya dimiliki oleh semua orang yang beriman. Rasulullah SAW merupakan contoh tauladan yang paling tepat dalam menunjukkan kepada kita betapa pentingnya menjadikan amanah sebagai satu sifat mahmudah yang wajib kita amalkan dalam kehidupan kita sehari-hari. Kita sepatutnya menjauhkan diri kita daripada melakukan suatu perbuatan yang boleh menyebabkan kita mengkhianati amanah yang diletakkan di atas bahu kita demi mendapatkan habuan atau kepentingan peribadi semata-mata.